

Tetap 4 syarat utama atasi masalah trafik

Georgetown: Kerajaan negeri menetapkan empat syarat utama kepada Kementerian Pengangkutan sebagai persetujuan untuk mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri daripada Penang Port Sdn Bhd (PPSB).

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata, persetujuan itu dibuat secara bersyarat sebagai langkah perancangan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bagi mengatasi masalah trafik yang semakin teruk.

"Cadangan pengambil alih itu dibuat selepas kajian dilakukan dan kerajaan negeri menyatakan pendirian bersyarat iaitu tidak akan ber-



LIM

tanggungjawab terhadap segala liabiliti atau sebarang tanggungan hutang PPSB sehingga tarikh pengambilalihan oleh kerajaan negeri.

"Syarat lain, kerajaan negeri diberi hak untuk me-

ngambil alih kedua-dua jeti iaitu Pangkalan Raja Tun Uda di Georgetown dan Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth yang digunakan sekarang termasuk aset serta kemudahan baik pulih tanpa sebarang liabiliti dan tanggungan.

"Selain itu, kerajaan negeri hanya akan mengambil semua kakitangan kumpulan rendah dan sokongan yang bertugas dan terbabit secara langsung dalam operasi perkhidmatan feri manakala kakitangan pengurusan tertakluk atas budi bicara kerajaan negeri," katanya pada sidang media di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini, semalam.

Beliau berkata, pada masa sama Kementerian Pengangkutan mesti meluluskan 30 lesen teksi air kepada kerajaan negeri bagi tujuan operasi 'Water Taxi' serta tapak 'docking berth' dan pihaknya berharap persetujuan itu diambil tindakan sewajarnya.

Menurutnya, langkah mengambil alih operasi feri itu cadangan terbaik berikutan perkhidmatan yang dilihat ketika ini semakin mengecewakan termasuk orang ramai terpaksa menunggu dua jam menyebabkan masalah itu perlu diatasi dan kerajaan negeri sanggup mengambil risiko dan cabaran berkenaan.